



Scientex maju bandar baru RM500j di Kulai

SCIENTEX Incorporated Bhd menerusi anak syarikat milik penuhnya, Scientex Quatari Sdn Bhd akan membangunkan bandar baru Scientex Kulai di Johor dengan nilai pembangunan kasar (GDV) kira-kira RM500 juta.

Pengerusinya, Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim (**gambar**) berkata, bandar baru yang akan dibangunkan di tanah pegangan bebas seluas 101 hektar itu terletak di lokasi strategik yang berdekatan dengan bandar Kulai dan mudah dihubungi melalui Lebuhraya Utara Selatan.

Beliau berkata, kawasan itu juga adalah sebahagian daripada fasa kedua pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).

"Dalam pelan pembangunan yang diluluskan, kami akan membina kira-kira 4,000 unit kediaman dalam tempoh lapan tahun.

"Kami yakin rekod cemerlang kami membangunkan Taman Scientex, Pasir Gudang apabila menyiapkan setiap projek dalam masa kurang daripada 16 bulan akan dapat diulangi di Scientex Kulai," katanya pada majlis perasmian Pembukaan Scientex Kulai di Kilometer 43.5, Jalan Johor Bahru-Air Hitam, Kulai kelmarin.

Hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Ismail Abu yang mewakili Yang Dipertua MPKu; Timbalan Pengerusi Eksekutif Scientex, Lim Teck Meng dan Pengarah Urusan Scientex, Lim Peng Jin.

Scientex Kulai yang menawarkan persekitaran hijau dan alam semula jadi indah akan dimajukan dengan pelbagai jenis hartanah seperti rumah pangsa kos rendah dan sederhana, rumah teres dua tingkat kos sederhana, rumah berkembar dua tingkat, banglo, kedai pejabat dua tingkat dan pusat komersial.

Mohd Sheriff berkata, dalam fasa pertama projek itu, iaitu Fasa K1 Scientex Kulai, syarikat itu akan membina 211 unit rumah teres dua tingkat dinamakan Casuarina dengan reka bentuk praktikal dengan tiga bilik tidur di tingkat atas serta ruang tamu dan makan yang luas.

"Rumah itu akan dilengkapi jubin seramik dan dijual pada harga mampu milik daripada RM105,800 ke atas kepada orang ramai khususnya di Kulai," katanya.

Sementara itu, Lim berkata, pihaknya mementingkan pembinaan rumah berkualiti walaupun dijual pada harga yang mampu milik kepada orang ramai.